

2 penuntut USIM terima anugerah kepemimpinan

SEREMBAN 4 Mac - Dua penuntut Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengharumkan nama universiti berkenaan apabila terpilih sebagai penerima Anugerah Kepemimpinan sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2013 baru-baru ini.

Majlis anjuran Kementerian Pendidikan dilangsungkan di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam di Terengganu itu menyaksikan Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin dan Arrharatnasari Kanchong Ma'arof terpilih menerima anugerah



dalam kategori masing-masing.

Muhammad Iqmal yang merupakan penuntut Sarjana Muda Perakaunan menerima Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik, manakala Arrharatnasari dianugerahkan Anugerah Pem-

impin Kelab/Persatuan Terbaik.

Kejayaan itu membolehkan kedua-dua penerima itu membawa pulang RM1,000, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Muhammad Iqmal merupakan Pengerusi Kelab Debat USIM sesi 2013 dan bergiat aktif dalam pengucapan awam sejak tahun 2010 lagi.

Beliau mewakili USIM dalam Pertandingan Debat Piala Naib Canselor, selain merangkul Naib Johan dalam Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institusi Pengajian

Tinggi ASEAN kali keenam 2013.

Menurutnya, beliau berharap agar siswa dan siswi USIM terutamanya ahli Kelab Debat dapat meneruskan misi dalam mengharumkan nama universiti di persada dunia, sekali gus membolehkan USIM melahirkan pemimpin berwibawa selari dengan moto Kelab Debat *Membina Pewaris Legasi Gemilang*.

Sementara itu, Arrharatnasari memberitahu, beliau terhutang budi dengan Kelab Enactus yang menjadi platform untuknya aktif dengan kegiatan khidmat masyarakat.

"Apabila dilantik sebagai Pengeru-

si Kelab Enactus USIM, beliau mengambil inisiatif menganjurkan Program khidmat komuniti di luar negara iaitu Program *Global Islamic Students Outreach (GISO)* melalui Misi Bantuan Kemanusiaan di Bandung Indonesia.

"Melalui program ini, saya dan rakan-rakan dapat membantu masyarakat Kampung Mokla Desa Cihanjuang Rahayu, Bandung membaik pulih kemudahan di Masjid Al-Huda yang digunakan hampir 250 penduduk sekitar serta aktiviti pengisian lain yang amat mereka hargai," ujarnya.